



AT-TAQWA

Diterbitkan Oleh: JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

التقوى



MS ISO 9002:1994
MAMPU
No. Pendaftaran:
PA 0228

BIL: 2 RABIUL AKHIR 1423H - JUN 2002 - BULETIN JABATAN MUFTI SELANGOR DARUL EHSAN

MIMBAR MASJID SULTAN ALA'EDDIN - JUGRA, SELANGOR

Mimbar Masjid Sultan Ala'eddin, Jugra, Selangor ini direka bentuk mengikut pengaruh orang Acheh dan India. Binaan mimbar adalah setinggi 15 kaki dan luasnya 3 kaki, diukir dengan menggunakan kaligrafi khat yang halus dan diperbuat dari kayu jati yang pejal.

Baginda Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah Ibnu Raja Muda Musa pernah menyampaikan khutbahnya di atas mimbar ini.

Masjid Sultan Ala'eddin Jugra Selangor yang masih kekal pada hari ini adalah ciptaan unggul oleh Baginda sendiri pada tahun 1925.

Pembuka Kata.....

**S.S. Dato' Haji Mohd Tamyas Bin
Abd. Wahid, Dato' Seri Utama
DiRaja Mufti Negeri Selangor**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام
على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله
وصحبه أجمعين.



Seseorang muslim yakin, bahawa kebahagiaan di dunia dan di akhirat adalah terhenti di atas sejauh mana dia dapat mendisiplinkan dirinya. Seperti firman Allah dalam surah As-syams ayat 9. قد اخرج من ركاها yang bermaksud "Sesungguhnya berjaya lah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan).

Bersesuaian dengan aspirasi Kerajaan Negeri Selangor yang hendak menerapkan konsep 6M dalam sistem pentadbiran negeri ini, maka kita perlu mengambil ikhtibar dengan pengajaran tersebut untuk menempatkan diri kita sebagai insan yang berkualiti, bagi mencapai kejayaan duniawi dan ukhrawi.

Konsep 6M iaitu, Musyarathah, Muraqabah, Muhasabah, Mu'aqabah, Mujahadah dan Mu'atabah, amat baik diamalkan dalam kehidupan seharian kita.

MUSYARATHAH

Musyarathah bermaksud membuat pensyaratan atau perjanjian antara dua pihak atau lebih, dalam apa jua perkara bagi mencapai kesempurnaan. Dalam usaha untuk membuat perjanjian ini, perlu ada kejujuran antara kedua-dua pihak. Pemimpin melaksanakan dasar seperti yang digariskan oleh Al-Quran dan As-Sunnah, manakala rakyat pula harus patuh dan mentaati pemimpin selagi pemimpin tidak melanggar batasan syara'.

MURAQABAH

Sikap mengawasi diri dalam rangka menghindarkannya dari perbuatan

dosa dan sentiasa berada pada landasan yang betul dan menepati kehendak Allah S.W.T. Muraqabah akan menilai kekuatan dan kelemahan yang ada pada diri, lalu berusaha mengubah struktur tersebut kepada yang lebih baik.

MUHASABAH

Muhasabah bererti menghitung diri sendiri iaitu menghitung amalan-amalan yang kita lakukan. Apakah kita telah memanfaatkan masa dengan sebaik mungkin. Apakah amalan seharian yang telah kita lakukan selama ini, telah mencapai apa yang digariskan oleh Allah S.W.T..

MU'AQABAH

Mu'aqabah diertikan sebagai mendidik jiwa agar ia lembut dan mentaati Allah. Jiwa memerlukan santapan rohani. Jiwa pula akan rosak jika disuakan dengan perkara 'lagho' dan maksiat serta bertentangan dengan kehendak Allah.

MUJAHADAH

Mujahadah diambil dari perkataan 'Jahada' (جهاد) yang bermaksud berjuang. Jihad merupakan satu kewajipan muslim dalam setiap gerak geri kehidupan. Perjuangan memerlukan pengorbanan, seperti berjuang memperbaiki diri ke arah yang lebih baik. Perjuangan sukar dilaksanakan melainkan dengan cahaya keimanan, istiqamah dan tawakal kepada Allah.

MU'ATABAH

Mu'atabah bolehlah diertikan sebagai tegas dan jelas, mencela semua kejahatan dalam diri



SIDANG REDAKSI

Penasihat

S.S Dato' Haji Mohd Tamyas bin Abdul Wahid
Dato Seri Utama DiRaja
Mufti Negeri Selangor

Ketua Pengarang

Tuan Haji Abdul Majid bin Omar
Timbalan Mufti Selangor

Penulis Tamu

Y.Bhg. Prof. Madya Dato' Mohd Mokhtar bin
Haji Shafii

Sidang Pengarang

Ustaz Md. Razali bin Hassanusi
Ustaz Hj. Zainal Abidin bin Hj. Kusmin
Encik Mohd Azmi bin Abdul Manan
Ustaz Nurhelmi bin Ikhsan
Ustaz Rizal bin Ramli

Pembantu Pengarang

Ustaz Abdul Latip bin Ibrahim
Ustazah Haslina binti Mohamad Yusak
Encik Zainal Abidin bin Mohd Sahari

Jurufoto

Encik Wan Mohd Radzi bin Mohamad

Pengedar

Tuan Haji Jasimin bin Jurami
Tuan Haji Zasali bin Mohd Yunus
Encik Mohamad Ali bin Abd. Hamid
Encik Mohd Khalid bin Ab. Hamid

Penerbit

Jabatan Mufti Negeri Selangor
Tingkat 4, Podium Selatan,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40676 Shah Alam
Tel: 03-55106589, 5511 2793, 5544 7521/22/23/24
Fax: 03-55197584
E-mail: mufti_sel@selangor.gov.my
Laman web: www.selangor.gov.my/mufti/
mufti.htm/

sebelum melihat kejahatan yang ada pada orang lain. Bila pembersihan jiwa telah dilakukan, maka sifat-sifat tercela tiada lagi dalam diri kita.

KESIMPULAN

Dari ke enam-enam sifat di atas sewajarnya perlu ada dalam diri setiap insan, sebagai insan yang bercita-cita ingin tergolong dalam umat terpilih, yang bukan sahaja mendapat kesejahteraan di dunia, malahan mendapat keampunan dari Allah pada hari akhirat kelak, Insya Allah.

- Amin -

SEJARAH PENUBUHAN DAN STRUKTUR ORGANISASI JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

(Oleh: En. Mohd Azmi b. Abdul Manan)

Penolong Pegawai Tadbir (Bahagian Pentadbiran/Kewangan)

1. Pejabat Mufti Selangor pada peringkat awalnya merupakan salah satu bahagian di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Ia dikenali sebagai Bahagian Fatwa. Namun pada tahun 1996, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan satu surat Pekeliling mengenai pengasingan Bahagian Fatwa daripada Jabatan Agama Islam setiap negeri di Malaysia.

Dengan usaha dan sokongan padu dari pihak Setiausaha Kerajaan Negeri, maka pada 1 Januari 1999 tertubuhlah Pejabat Mufti Negeri Selangor yang kini ditempatkan di **Tingkat 4, Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.**

2. Pada 14 Februari 2001, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

(MMK) telah meluluskan penukaran nama 'Pejabat Mufti Negeri Selangor' kepada 'Jabatan Mufti Negeri Selangor' bagi tujuan penyeragamannya diseluruh Malaysia dan lain-lain faktor yang berkaitan dengan fungsi Jabatan dan peranan Sahibus Samahah Mufti yang berautoriti dalam bidang dan hal ehwal Hukum Syarak. Jabatan Mufti Negeri Selangor kini diberi tanggungjawab diantaranya:

- 2.1. Memberi nasihat mengenai Hal Ehwal Agama Islam kepada DYMM Sultan dan Kerajaan Negeri.
- 2.2. Menguruskan pengeluaran dan pewartaan fatwa.
- 2.3. Menguruskan pencerapan hilal, penentuan dan pengesahan arah kiblat.

2.4. Menguruskan hal ehwal pentadbiran, kewangan dan perkhidmatan kakitangan.


3. Dari segi struktur organisasi, Jabatan Mufti Negeri Selangor mempunyai 3 (tiga) Bahagian iaitu:-

- 3.1. Bahagian Istinbat
- 3.2. Bahagian Falak Syarie
- 3.3. Bahagian Pentadbiran/ Kewangan

4. Sehingga Jun 2002, Jabatan ini mempunyai sejumlah 15 orang kakitangan seperti berikut:-

- 4.1 Jawatan Tetap - 10 orang
 - 4.2 Jawatan Kontrak - 5 orang
- Jumlah Keseluruhan - 15 orang

CARTA STRUKTUR ORGANISASI



KEISTIMEWAAN DAN USWAH HASANAH RASULULLAH S.A.W.

Oleh: Prof. Madya Dato' Mohd. Mokhtar b. Shafie

Seperti yang dimaklumi bahawa Rasulullah S.A.W. adalah manusia biasa dalam sifat Baginda sebagai Muhammad anak kepada Abdullah yang beristerikan Aminah. Baginda sendiri makan, minum, mengalami sihat, sakit, membesar dan hidup sebagai manusia biasa sejak lahir hinggalah wafat. Baginda beristeri dan berkeluarga, sebagai suami kepada isteri dan ayah kepada anak-anak. Dalam hubungan ini memanglah Baginda sebagai manusia biasa. Tetapi jika diperhatikan dengan lebih mendalam Baginda sebenarnya adalah manusia agung, manusia yang menjadi contoh dan ikutan, insan mulia dan sempurna. Itulah dia Muhammad Rasulullah S.A.W.

Rasulullah S.A.W. adalah insan sempurna kerana Baginda ditarbiyah oleh Allah S.W.T. tentulah tarbiyah Allah S.W.T. ini amat berkesan dan bukanlah bermula ketika Baginda berumur empat puluh tahun semasa mula menjadi Nabi dan Rasul, malahan bermula sejak Baginda lahir lagi. Ini sesuai dengan maksud hadis Baginda yang bersabda bahawa Allah telah mendidiknya dengan sebaik-baik didikan.

Baginda Rasulullah S.A.W. seorang Arab keturunan Quraisy, Baginda lahir dan dibesarkan di Kota Mekah. Baginda hidup bersama orang-orang Quraisy dan orang-orang Mekah lainnya, makan makanan yang sama, berinteraksi dan bergaul bersama mereka. Ini bermakna Baginda berada di dalam suasana masyarakat Jahiliyyah.

Manusia biasa selalunya tidak akan dapat melepaskan dirinya dari pengaruh dan kesan pendidikan tidak formal ini di dalam pembentukan peribadinya. Nilai yang dipakai oleh masyarakat adalah mudah untuk diterima kerana nilai

tersebut sudah berakar umbi dan merupakan sebahagian dari nilai yang membentuk masyarakat tersebut, dalam masa yang sama kebudayaan persekitaran dan alam sekeliling adalah di antara faktor terpenting yang membentuk peribadi seseorang. Ini satu perkara yang telah terbukti kebenarannya. Tetapi adakah berlaku kepada Rasulullah S.A.W.? Sebenarnya ianya tidak berlaku kepada Baginda Rasulullah S.A.W.

Walaupun Rasulullah S.A.W. hidup di dalam masyarakat Jahiliyyah, tetapi Baginda tidak pernah menerima nilai-nilai negatif yang di anggap oleh

masyarakat Jahiliyyah sebagai baik seperti berzina, minum arak, melakukan bermacam-macam perbuatan maksiat, menipu, berjual-beli dengan menggunakan sistem riba, menyembah berhala, melakukan kezaliman dan sebagainya. Baginda tidak pernah melakukan perkara-

perkara tersebut. Kehidupan dan keperibadian Baginda terpelihara dari sifat-sifat dan perbuatan keji. Secara ringkas, Rasulullah S.A.W. tidak pernah menerima nilai-nilai negatif pada pandangan Islam walaupun ia dianggap baik oleh masyarakat Jahiliyyah. Sungguhpun kesempatan melakukannya ada dan Baginda masih muda serta belum menerima wahyu dan dilantik menjadi Nabi dan Rasul. Allah telah memuji akhlak Baginda. Firman Allah yang maksudnya, "Sesungguhnya padamulah (Muhammad) semulia-mulia akhlak." (Al Quran ayat 4)

AKHLAK MULIA

Demikianlah Rasulullah S.A.W. berakhlak mulia. Saidatina Aishah apabila ditanya mengenai akhlak Baginda Rasulullah S.A.W., Aishah berkata bahawa sesungguhnya akhlak Baginda adalah Al-Quran." Bermakna akhlak Baginda adalah jelmaan dan terjemahan kepada akhlak Al-Quran yang mulia kerana praktis dan penghayatan Baginda terhadap akhlak tersebut. Seperti yang telah dijelaskan bahawa Allah S.W.T. memdidik dan menterbiyah Baginda Rasulullah S.A.W. agar menjadi ikutan kepada kita. Firman Allah yang bermaksud: "Sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah S.A.W. itu contoh ikutan yang baik". (Al-Ahzab: 21).

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Kita dikehendaki mencontohi Rasulullah S.A.W. insan yang berakhlak mulia. Jika diperhatikan Baginda bukan setakat berakhlak mulia malahan diutus untuk mendidik dan menyempurnakan akhlak mulia tersebut.

BERIMAN DAN TAA'T

Di dalam ayat-ayat tertentu Allah S.W.T. memerintahkan manusia seluruhnya agar beriman kepada Baginda Rasulullah S.A.W. Apabila seseorang itu beriman ia akan tunduk dan patuh, taat dan setia penuh ikhlas dan jujur tanpa ragu atau was-was terhadap perjalanan dan risalah Baginda Rasulullah S.A.W.

Firman Allah S.W.T. bermaksud: "Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasulnya, Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimahNya, kitab-kitabNya dan ikutlah dia, supaya kamu beroleh hidayah dan petunjuk". (Al-A'raf: 158).

فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ آلِ النَّبِيِّ
الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ
لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Ayat di atas dengan jelas menegaskan untuk mendapat hidayah dan petunjuk dari Allah maka hendaklah kita beriman kepada Allah dan RasulNya, tidak cukup dengan itu hendaklah kita mengikut perjalanan dan jejak langkah Baginda. Ini bermakna menjadikan Baginda sebagai contoh dan ikutan. Di dalam ayat yang lain Allah S.W.T. berfirman maksudnya: "Maka hendaklah berwaspada mereka yang menyalahi perintahnya (perintah Rasulullah S.A.W.) bahawa mereka akan ditimpa fitnah atau ditimpa seksa yang amat pedih". (Al-Nur: 63)

فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ

Ayat di atas dengan jelas memerintahkan agar kita tidak engkar dan menyalahi perintahnya dan arahan Baginda Rasulullah S.A.W. ini bermakna kita bukan setakat perlu mencontohi Baginda malah juga perlu beriman, taat mengikut perintah dan arahan Baginda. Di dalam ayat yang lain pula Allah S.W.T. berfirman maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman ialah mereka yang beriman kepada Allah dan RasulNya dan apabila mereka turut bersama-sama dengan Rasulullah dalam sesuatu perkara yang memerlukan perhimpunan ramai. Tidakkah mereka meninggalkan majlis perhimpunan itu sebelum mereka meminta izin kepadanya". (An-Nur: 62)

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِذَا كَانُوا مَعَهُ عَلَى أَمْرٍ جَامِعٍ لَمْ يَذْهَبُوا حَتَّى يَسْتَأْذِنُوهُ

Ayat ini sekali lagi menegaskan betapa pentingnya taat dan patuh kepada Rasulullah S.A.W. dan sentiasa menghormati Baginda. Di dalam ayat yang lain pula Allah S.W.T. berfirman maksudnya: "Katakanlah (Wahai Muhammad) jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi serta mengampunkan dosa-dosa kamu dan ingatlah Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani". (Ali-Imran: 31)

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Demikianlah ditegaskan oleh Allah S.W.T. bahawa jika benar kita beriman dan kasih

kepada Allah S.W.T. mengharapkan keampunan dan keredhaanNya maka hendaklah kita kasih kepada Rasulullah S.A.W. dan mengikut perjalanan dan petunjuk ajaran Baginda.

SALAH ANGGAHAN

Ada orang melihat Baginda sebagai manusia biasa sahaja, sebenarnya ini merupakan satu kesilapan besar dan boleh membawa kepada kesesatan, yang penting bukan Baginda S.A.W. sebagai manusia biasa tetapi manusia sempurna, insan mulia dan Rasul yang dianugerahkan wahyu dan ditarbiyah oleh Allah S.W.T. sebagaimana di dalam Surah Al-Kahfi ayat 110:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ اللَّهُ وَاحِدٌ ۚ فَنَكانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ ۚ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ ۚ أَحَدًا

Juga Surah Ar-Rad Ayat 30 yang bermaksud: "Demikianlah kami telah mengutus kamu pada suatu umat yang sungguh telah berlalu beberapa umat sebelumnya supaya kamu membacakan kepada mereka (Al-Quran) yang kami wahyukan kepadamu padahal mereka kafir kepada Tuhan Yang Maha Pemurah. Katakanlah: "Dialah Tuhanku tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia, hanya kepada-Nya aku bertawakkal dan hanya kepada-Nya aku bertaubat.

كَذَلِكَ أَرْسَلْنَاكَ فِي أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهَا أُمَمٌ لَبَتْهُمْ عَلَيْهِمُ الْوَيْلُ الَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَهُمْ يَكْفُرُونَ ۚ بِالرَّحْمَنِ قُلْ هُوَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ مَتَابُ

Ayat ini telah menegaskan dengan jelas bahawa walaupun Baginda Rasulullah S.A.W. manusia biasa tetapi pada hakikatnya Baginda berbeza dari manusia lain, kerana Baginda diberikan wahyu oleh Allah S.W.T. sedangkan manusia lain tidak diberi wahyu. Perbezaan amat besar di antara insan yang diberikan wahyu dengan yang tidak diberikan wahyu, kerana yang diberikan wahyu hanyalah Nabi dan Rasul. Kita tidak melihat Muhammad bin Abdullah sebagai manusia biasa sahaja, malahan jauh lebih penting ialah kita melihat Baginda sebagai Nabi dan Rasul yang mendapat wahyu dari Allah. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud "Tiadalah Muhammad itu melainkan seorang Rasul dan telahpun berlalu sebelumnya Rasul-

Rasul". (Ali-Imran: 144)

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ

Berdasarkan kenyataan di atas adalah jelas bahawa Muhammad bin Abdullah adalah Nabi dan Rasul yang diberi wahyu oleh Allah, dididik dan ditarbiyah, dijaga dan dipimpin oleh Allah S.W.T. insan paling mulia menjadi contoh dan ikutan, sebagai uswah hasanah.

PERANAN RASULULLAH S.A.W.

Firman Allah yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmat) kepada orang-orang yang beriman setelah ia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (Al-Quran) dan mentazkiah mereka (membersihkan mereka dari l'tiqad yang sesat) serta mengajar mereka kitab-kitab (isi kandungan Al-Quran) dan hikmat, dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata". (Ali-Imran: 164)

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْ أَنْفُسِهِمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَزُكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِسْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لِنِي ضَلَالٍ مُبِينٍ

Ayat ini telah memberikan garis panduan mengenai peranan Rasulullah S.A.W. iaitu:

- Membacakan ayat-ayat Al-Quran dan menyampaikannya hinggalah Al-Quran ini tanpa ragu, tiada perubahan dan tiada penambahan sampai kepada kita dengan sempurna.
- Memimpin kita agar berjiwa bersih, l'tiqad benar dan iman bulat dan padu kepada Allah S.W.T. Baginda mentazkiah kita. Tazkiah ini adalah penting untuk memastikan bahawa batin kita bersih dari segala kesyirikan dan kekufuran.
- Mengajar kita akan isi kandungan Al-Quran, mentafsir dan menerangkan ajarannya, serta menunjukkan contoh pelaksanaannya.
- Mengajar kita akan hikmah dan ilmu yang diberikan oleh Allah S.W.T. kepada Baginda. Hikmah ini di dalam bentuk sunnah Baginda.

Ayat ini dengan jelas menyatakan bahawa di antara peranan dan tujuan terpenting Baginda Rasulullah S.A.W. ialah mentazkiah dan mentarbiyah kita di dalam usaha kita mendapatkan keredhaan Allah S.W.T. untuk dapat mencontohi perjalanan Baginda Rasulullah S.A.W. sebagai manusia paling mulia.

Ajaran Sesat

Oleh: Ustaz Md Razali b. Hassanusi
Pegawai Hal Ehwal Islam (Bahagian Istibat)

Definisi ajaran sesat ialah:

"Apa jua ajaran yang terkeluar dari aqiqah dan amalan Ahlus Sunnah Wal Jamaah".

Pusat Islam telah mendefinisikan ajaran sesat sebagai:

"Ajaran sesat ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah."

SIFAT-SIFAT & CIRI-CIRI AJARAN SESAT

1. Ajaran-ajaran sesat mempercayai bahawa kuasa-kuasa ghaib dan luar biasa itu ada juga pada selain daripada S.W.T., itu boleh ada pada manusia yang dianggap alim atau 'wara' atau wali yang dipercayai boleh mengetahui perkara-perkara yang ghaib-ghaib dan mempunyai kuasa yang diluar kemampuan manusia.
2. Ajaran dilakukan secara tidak berterang-terang, bersembunyi, rahsia atau penyampaian hanya ahli-ahli kumpulan sahaja.
3. Ajaran yang meletakkan ketua atau sheikh atau pak guru ke taraf yang amat tinggi melebihi had yang biasanya untuk manusia, atau meletakkan ketua atau sheikh atau pak guru ke taraf wali atau wakil Nabi Muhammad S.A.W. .Wujud arahan supaya menghormati sheikh dan meyakini bahawa tidak akan berhasil sesuatu maksud kecuali dengan usaha atau kekuasaan beliau.
4. Tidak boleh mengkritik dan menegur sesuatu perbuatan yang dilakukan sheikhnya sekali pun nyata perbuatan

itu haram. Juga seorang pengikut itu tidak boleh menyoal sheikhnya mengenai apa-apa perbuatannya.

5. Adanya dakwaan bahawa sheikhnya adalah keturunan Rasulullah S.A.W. tanpa salasilah yang jelas yang dapat dibuktikan.
6. Larangan membuka rahsia ajaran kumpulan itu kerana kepercayaan bahawa jika membuka rahsia, pengikut itu akan ditimpa bahaya.
7. Tidak dibenarkan berkahwin dengan wanita yang disukai oleh sheikhnya demikian juga tidak boleh berkahwin dengan balu sheikhnya.
8. Hendaklah menghadirkan rupa guru pada setiap kali berdoa dan meminta daripada beliau limpahnya dan menghilangkan was-was.
9. Ajaran yang menjalankan istiadat yang dikatakan berzikir atau beribadat atau bersuluk yang caranya berlawanan dengan adab yang diluluskan oleh agama Islam atau dengan cara yang pelik seperti mesti melakukan amalan tersebut dalam keadaan gelap, berselubung, percampuran lelaki dan perempuan dan menggunakan perkataan yang tidak difahami seperti hu... hu...

10. Ajaran yang menggunakan kebolehan merawat penyakit secara ajaib, menolong menyampaikan hajat-hajat besar pengikut-pengikut dengan cara yang seolah-olah keramat sebagai suatu daya tarikan.
11. Guru dan anggota ajaran sesat biasanya menghina, mencari

kesilapan serta merendahkan kebolehan dan ilmu para alim ulama Islam. Mereka menuduh para alim ulama Islam yang ada hari ini hanya membesar-besarkan soal zahir (kulit) sahaja dan tidak membongkar rahsia-rahsia yang ada dalam hukum-hukum ibadat. Ada juga tuduhan bahawa para alim ulama Islam hari ini "menyembunyikan ajaran Islam yang sebenar".

12. Dalam perkara-perkara yang berhubung dengan syariat Islam, seperti Al-Quran, As-Sunnah, rukun-rukun Islam dan Iman serta yang lain-lainnya, mereka mendakwa bahawa setiap yang zahir ada pula batin. Biasanya kumpulan ajaran sesat ini mendakwa hanya mengetahui ilmu hakikat dan ilmu isi.

13. Mengijazahkan ilmu pada larut malam.

14. Adanya dakwaan bahawa ajaran diterima melalui ilham, ilmu laduni yang dapat terus dari Allah S.W.T. dalam mimpi atau solat hajat.

15. Guru mendakwa dirinya maksum (terpelihara dari dosa).

16. Mentafsir Al-Quran berdasarkan pemikiran sendiri tanpa

ilmu dan kelayakan yang diperlukan dan tafsirannya amat jauh dan berbeza dari pandangan ulama-ulama yang muktabar.

17. Guru mendakwa bahawa ia menerima wahyu dari Allah Taala.

18. Dakwaan dapat menunjukkan syurga dan neraka.

"Masih ada harapan sembuh kalau pedang menusuk tubuh, kemana ubat hendak dicari, kalau lidah menusuk hati. Oleh kerana itu terpeliharalah lidah"

19. Ajaran yang membatalkan solat Jumaat.

CARA-CARA AJARAN SESAT MENYUSUP

1. Melalui Kelas Agama

Penyusupan ajaran sesat melalui kelas-kelas agama biasanya bermula dengan berpandukan kitab-kitab perukunan mengenai cara-cara beristinjak, berwuduk, bersembahyang dan ajaran mengenal Tuhan. Selepas pengikut-pengikut ajaran sesat itu diberikan secara zahir mengenai beristinjak, berwuduk, bersembahyang dan ajaran mengenal Tuhan, barulah mereka itu diberi pelajaran bagaimana untuk mendapatkan sesuatu yang "ghaib" seperti "kasyaf" dan "laduni" iaitu bagaimana mengetahui "alam ghaib" dan mendapat limpahan ilmu Allah dan "Tajali" iaitu penjelmaan hakikat zat, sifat Allah dan lain-lain.

Biasanya pengikut-pengikut atau anggota-anggota ajaran sesat tidak berpandu kepada sesuatu kitab atau buku, hanya diberikan nota-nota atau mencatat dan menyalin dari buku yang telah disediakan oleh pak guru. Dari pelajaran melalui nota-nota atau buku catatan itulah pak guru ajaran sesat memainkan peranan memesongkan pengikut-pengikutnya dari ajaran fekah dan tauhid yang sebenar.

2. Melalui Kumpulan Tarikat

Bagi memerangkap masyarakat Islam yang lemah dan cetek pegangan dan pengetahuan mengenai hukum-hukum Islam, selalunya guru ajaran sesat itu menggunakan nama tarikat yang mashur seperti Naqsyabandiyah, Mufarridiyah dan lain-lain lagi tetapi dalam perlaksanaanya guru ajaran sesat itu menokok tambah dan mengadakan sistem perwiri dan sistem persulukan dalam kelambu atau bilik-bilik khas dalam keadaan bercampur antara lelaki dan perempuan. Ini tidak bermakna

semua tarikat yang ada adalah sesat.

3. Melalui Kepercayaan & Amalan Tradisi

Pelajaran melalui kepercayaan dan amalan tradisi merupakan jalan dan cara yang mudah bagi masyarakat Melayu/Islam menerima dan kemudian terperangkap dalam ajaran sesat.

Contoh dalam aspek ini ialah penyusupan ajaran sesat melalui amalan pendukunan dan rawatan tradisional seperti kaedah perubatan yang mendakwa kehadiran wali-wali ke tubuh perawat untuk membantu merawat pesakit atau menyelesaikan masalah mereka. Begitu juga penyusupan ajaran sesat melalui amalan-amalan tradisi seperti amalan semasa upacara perkahwinan dan menyambut kelahiran anak.


ASPEK-ASPEK PENYELEWENGAN YANG TERDAPAT DALAM AJARAN SESAT

Penyelewengan yang terdapat dalam ajaran sesat boleh dikategorikan kepada dua kategori utama iaitu:

1. Penyelewengan dari Sudut Aqidah Islam
 - Yang menyentuh kepercayaan kepada Allah iaitu di mana manusia dapat bercantum dengan zat Allah sehingga dapat

melihat dan menggambarkan sifat Allah di hadapan mata.

- Mengaku diri sebagai Imam Mahdi
 - Mengaku sebagai Nabi Isa anak Tuhan
 - Mengaku menjadi rasul setelah nabi Muhammad S.A.W. seperti:
 - * Mirza Gulam Ahmad (Qadiani)
 - * Mirza Ali Muhammad bin Mirza Ridza al-Bazzaz (Bahai)
 - Mokhtar bin Hassan (Crypto)
 - Muhammad Tahir (ajaran tauhid makrifat)
 - Mengaku menerima wahyu daripada Allah atau mengaku bermimpi mendapat ajaran seperti Ajaran Nikah Batin dimana biasanya si guru mendakwa mendapat perintah dari Allah melalui Rasulullah S.A.W. supaya berkahwin dengan si Polan.
 - Menafikan adanya Qadha dan Qadar dari Allah, sebaliknya manusia itu dapat membuat sesuatu perkara tanpa kuasa dari Allah. Ini bercanggah dengan iman pada Qadha dan Qadar.
2. Penyelewengan dari Sudut Amalan
 - Menambah atau mengubah rukun dan syarat sembahyang.



Para Peserta sedang mengikuti Seminar Khurafat Pada Pandangan Islam anjuran Jabatan Mufti Selangor.

Dalam Kenangan....

Oleh: Haji Abdul Majid Bin Omar
Timbalan Mufti Negeri Selangor



Almarhum Tengku Mahmud Zuhdi Bin Tengku Abdul Rahman adalah satu-satunya tokoh penyandang gelaran Sheikhul Islam di Negeri Selangor kerana tokoh-tokoh lain selepas beliau adalah bergelar mufti.

Majalah At-Taqwa kali ini memaparkan riwayat hidup beliau untuk tatapan dan pengetahuan masyarakat Islam dinegeri Selangor kerana mengenang jasa-jasa beliau di negeri Selangor terutamanya dalam bidang Pendidikan Islam.

Tengku Mahmud Zuhdi dilahirkan di Kampung Ban Sam DEP, Kota Bangkok, Thailand pada tahun 1876. Ayah beliau ialah Tengku Abdul Rahman dari keturunan bangsawan Melayu Patani yang ditawan oleh Siam dan ditempatkan dikawasan berdekatan kota Bangkok.

Walaupun mengalami berbagai kesulitan dalam hidup keluarganya namun Tengku Mahmud Zuhdi tidak lepas dari kewajiban belajar agama dari ayahnya sendiri dan beberapa orang guru di kampung kelahirannya.

Kemudian beliau belajar agama dan bahasa Arab peringkat asas dengan Syikh Wan Abdul Latif bin Wan Mustafa seorang ulama Patani yang berhijrah ke Kota Bangkok kerana berdakwah.

Apabila umurnya meningkat dewasa, beliau menyambung pelajarannya ke Mekah. Disana beliau mendapat didikan daripada Syikh Wan Ahmad bin Wan Mohd Zin Al Patani dan belajar ilmu tatabahasa Arab seperti nahu, saraf dan Balaghah. Beliau mampu menggubah syair-syair dalam Bahasa Arab yang mengagumkan orang Arab sendiri. Selain dari belajar dengan guru persendirian, Tengku Mahmud juga belajar di Madrasah Sultiyyah Mekah.

Beliau seangkatan dengan tokoh-tokoh seperti Haji Abdullah Fahim (Pulau Pinang) Syeikh Mohd Nor Syeikh Nik Mat Kecik Patani, Pak Wan Sulaiman (Kedah), Haji Ismail Puntianak (Kelantan), Syeikh Mohd

Said Linggi (Negeri Sembilan) dan Syeikh Tahir Abdullah (Minangkabau).

Seterusnya pada tahun 1899, Tengku Mahmud Zuhdi dilantik menjadi guru di sekolah Sultiyyah Mekah. 5 Tahun selepas itu (1904), beliau melanjutkan pelajaran ke Mesir untuk mendalami Ilmu Falaq dan Seni Khat selama setahun. Tahun 1905 beliau pulang ke Mekah dan mengajar pula di Masjidil Haram Mekah hingga tahun 1923. Beliau terpaksa meninggalkan Mekah atas sebab-sebab politik iaitu perang antara penyokong Wahabi dengan Sharif Hussin.

Pada tahun 1924, Tengku Mahmud muncul di Singapura. Tujuh bulan selepas itu beliau berhijrah ke Jambi, Sumatera. Di sana beliau membuka madrasahnyanya sendiri dan menjadi tenaga pengajar seterusnya menjadi guru besar sekolah tersebut.

Pada tahun 1929, Tengku Mahmud Zuhdi meninggalkan Jambi kerana menerima perlantikan menjadi Penasihat Agama Kerajaan Selangor seterusnya dilantik sebagai Syeikhul Islam.

Semasa memegang jawatan Sheikhul Islam inilah Tengku Mahmud Zuhdi terlibat dalam banyak kegiatan keislaman di Negeri Selangor antaranya:-

1. Mendirikan Madrasah Ulum Addiniyah
2. Menulis buku teks agama kegunaan sekolah-sekolah agama di Selangor iaitu Kitab Pelajaran Bersuci dan Sembahyang Fardhu Yang Lima dan beberapa Jilid Sejarah dan Matan Al Jurumiah.
3. Menyusun kurikulum pelajaran agama di Masjid-masjid.
4. Mengeluarkan Hukum-Hakam dan Fatwa.

Tengku Mahmud Zuhdi amat

rapat dengan Istana Selangor.

Beliau pernah diminta mengiringi Sultan Alauddin Sulaiman Shah melawat England pada tahun 1935 dan memimpin rombongan Sultan Hishamuddin Alam Shah menunaikan ibadat haji ke Makkatul Mukarramah.

Tengku Mahmud Zuhdi telah menulis beberapa buah kitab dalam berbagai bidang ilmu agama dan Bahasa Arab antaranya:-

جنية الثماره (1908)

تدريج الصبيان (1913)

شرح كفايت جرومية

شرح دعاء حزب البحر

تزكية الأنظار وتصفية الأفكار

Beliau berbesan pula dengan Sultan Hishamuddin Alam Shah apabila puterinya Tengku Aminah berkahwin dengan Putera Sultan Hishamuddin iaitu Tengku Badlis Shah yang bergelar Tengku Laksmana Selangor.

Selepas bersara sebagai Sheikhul Islam pada tahun 1953, Tengku Mahmud Zuhdi berangkat ke Mekah untuk menetap disana dan menyambung kerjaya lamanya, mengajar di Masjidil Haram. Tiga tahun kemudian tepat pada 10 Oktober 1956, beliau meninggal dunia dan jenazahnya dikebumikan di perkuburan Al Ma'ala Mekah.

Pada hari ini ramai keturunan atau zuriat Tengku Mahmud Zuhdi tinggal di Patani dan Selangor. Di Selangor antara cucu beliau termasuk YDM Raja Rashad bin Tengku Badli Shah Engku Orang Kaya Menteri.

Sebagai tanda kenangan atas sumbangannya yang begitu besar kepada perkembangan Agama Islam Selangor, kita doakan supaya Allah mencucuri Rahmat ke atas rohnyanya dan menempatkan bersama-sama Roh para Anbia dan Salihin.

Al-Fatiha

JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA) NEGERI SELANGOR SESSI 2000-2002




Sahibus Samahah Dato' Haji Mohd Tamyas Bin Abd. Wahid
Dato' Seri Utama DiRaja Mufti Negeri Selangor



Sahibus Samahah
Tuan Haji Abdul Majid Bin Omar
Timbalan Mufti Negeri Selangor




Y.B. Dato' Haji Mohd Zawawi Bin Haji Salleh
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor



YBhg Prof. Madya Dato' Mohd Mokhtar
Bin Haji Shafii



YBhg Tuan Haji Abd. Aziz Bin
Andik Achok




YBhg Tuan Haji Jamaudin Bin Omar



YBhg. Dato' Haji Mahmad Mokhtar
Bin Mahmad Salleh



YBhg Tuan Haji Mohd Adanan Bin Isman
Presiden, Kolej Islam Darul Ehsan



YBhg Tuan Haji Ahmad Bin Haji Yusof



YBhg Ustaz Mat Razali bin Hassanusi
Setiausaha





Gambar Sekitar Aktiviti Jabatan Mufti Selangor 2001-2002

1. DYMM Sultan Selangor melancarkan laman web Jabatan Mufti Selangor.
2. YAB Dato' Menteri Besar Selangor berucap merasmikan Seminar Khurafat Menurut Pandangan Islam - 22/4/2002.
3. Lawatan kerja ke Pejabat Mufti Singapura - 2/10/2001
4. Taklimat dari Jabatan Mufti Negeri Sembilan Darul Khusus
5. Bersama DYMM Sultan Selangor sempena lawatan kerja Baginda ke Jabatan Mufti pada 15/10/2001.
6. Dato' Mufti bersama Pengerusi Jawatankuasa Pusat Islam Rakyat German ketika mengikuti rombongan Perdana Menteri ke German - 20/3/2002
7. Kerja-kerja memindahkan mayat dari tanah Perkuburan Kristian ke tanah perkuburan Islam setelah disahkan menganut Islam.
8. Perbincangan mengenai Pelaksanaan MS ISO 9002: 1994.
9. Lawatan kerja ke Jabatan Mufti Negara Brunei Darus Salam - 17/9/2001.
10. Perbincangan bersama Ahli Majlis Agama Islam Narathiwat, Thailand - 28-29/10/2001.
11. Bersama pegawai-pegawai JAIS membuat pemeriksaan premis penyembelihan ayam di Port Klang.
12. Pemimpin utama Negeri Selangor sedang berbincang sesuatu dengan Dato' Mufti.
13. Perbincangan Pegawai Pusat Zakat Selangor dengan Dato' Mufti.
14. Taklimat dan penyampaian bantuan dari KFCH kepada Masjid, Maahad Tahfiz dan Rumah Anak Yatim.

Mengapa Hari Raya Korban Tidak Sama Dengan Arab Saudi?

Oleh: Ustaz Hj. Zainal Abidin Bin Hj. Kusmin
Pegawai Hal Ehwal Islam (Bahagian Falak/Syarie)

1) PENDAHULUAN

Penentuan awal bulan Hijrah yang digunakan oleh umat Islam khususnya dalam menentukan awal bulan Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah adalah berdasarkan kepada pergerakan bulan dan bumi mengelilingi matahari.

Ia menjadi asas perhitungan awal bulan dan tahun yang mempunyai hubungkait yang rapat dengan ibadah puasa, hari raya dan hari raya korban.

Berdasarkan pedoman yang terdapat di dalam Al-Quran dan Hadis dan juga pendapat ulama daripada kitab-kitab muktabar, lahir tiga amalan yang berbeza dalam menentukan awal bulan Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah dengan kaedah berikut:

- a) Rukyah (melihat anak bulan)
- b) Hisab Falak
- c) Rukyah dan Hisab dengan menggunakan kriteria imkanur-rukayah iaitu menggunakan hisab dalam menentukan kebolehnampakan anak bulan (Hilal).

Wujudnya perbezaan amalan dan cara di atas, adalah daripada perbezaan dalam memahami dan mentafsir maksud ayat-ayat Al-Quran dan Hadis yang berkaitan. Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan cara penentuan awal Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah dengan rukyah dan hisab berdasarkan kepada kriteria imkanur rukyah.

2) DALIL SYARAK MENGENAI PENENTUAN AWAL BULAN ZULHIJJAH BERDASARKAN AL-QURAN

Nas Al-Quran dan Hadis banyak menerangkan panduan menentukan awal bulan atau waktu-waktu terutama dalam melaksanakan ibadah.

Firman Allah S.W.T. di dalam Surah Al-Baqarah ayat 189:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْهِجْرِ الْمَكْرُومِ وَالْأَسْفَلِ مِنَ السَّائِرِ ۚ

Maksudnya:

"Mereka bertanya kepadamu tentang bulan sabit. Katakanlah bulan sabit itu adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan bagi ibadah haji....."

3) FAKTOR PERSELISIHAN

3.1 Punca-punca perselisihan berlaku dari segelintir rakyat Malaysia yang

tidak menerima pengisytiharan rasmi Hari Raya Korban Kerajaan Malaysia yang telah diisytiharkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia pada tahun 2000 dan 2001 Miladiah yang lalu. Golongan tersebut menyambut Hari Raya Korban berdasarkan pengisytiharan Wukuf di Padang Arafah oleh Kerajaan Arab Saudi.

3.2 Kontroversi juga berlaku kerana kekeliruan pendapat pada 9 Zulhijjah (Hari Wukuf), sunat berpuasa dan ganjaran pahalanya sama dengan setahun beribadah.

4 RASIONAL DARI SUDUT MATLA' (TEMPAT TERBIT) DI MALAYSIA.

- 1) Kerajaan Arab Saudi menggunakan matla' dengan kaedah rukyah semata-mata, terbuka kepada semua rakyatnya. Sesiapa yang melihat Hilal Zulhijjah boleh melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab atau berkuasa dengan saksi.

Kerajaan Malaysia menetapkan awal bulan Zulhijjah dengan menggunakan kaedah rukyah dan hisab berdasarkan kriteria imkanur rukyah dengan mengambil kira matla' negara-negara MABIMS.

- 2) Terdapat perbezaan matla' yang jauh diantaranya Malaysia dan Arab Saudi selama lima jam dan kedudukan hilalnya akan bertambah tinggi

sebanyak 1.25° di matla' Arab Saudi (Makkah)

5) ASAS PERTIMBANGAN KE-PUTUSAN PERLU DIKEKALKAN.

- 1) Berasaskan keputusan Majlis Raja-Raja Malaysia dan persetujuan Mufti seluruh negeri-negeri di Malaysia bagi penetapan awal Zulhijjah seperti penetapan awal Ramadhan dan awal Syawal dengan melihat anak bulan di tempat rasmi seluruh Malaysia.
- ii) Perbezaan zon masa di antara Malaysia dan Arab Saudi adalah jauh selama (5) lima jam berdasarkan GMT Malaysia (8) lapan jam manakala Arab Saudi (3) tiga jam.

6) TINDAKANDAN PENGUATKUASAAN

Amalan umat Islam di Malaysia menetapkan awal Zulhijjah dikekalkan dengan rukyah dan Hisab berdasarkan kriteria imkanur rukyah adalah bertujuan untuk di selaraskan di seluruh negeri di Malaysia dan negara-negara jiran tetangga (MABIMS).

7) PENUTUP

Kerajaan Malaysia telah membuat keputusan bagi menetapkan awal bulan Zulhijjah sama dengan cara penetapan awal Ramadhan dan awal Syawal. Perkara ini perlu dikekalkan untuk tujuan keharmonian bagi sesebuah negara dan tidak perlu mengikut pengisytiharan wukuf Arafah bagi menetapkan Hari Raya oleh Kerajaan Arab Saudi.



Pegawai Jabatan Mufti Selangor sedang memberi taklimat kepada DYMM Sultan Selangor, penggunaan Teleskop MEADE LX200, yang merupakan salah satu alat moden bagi mencerap anak bulan.

Cerpen At-Taqwa

Oleh: Ustaz Nurhelmi Bin Ikhsan

Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Bah. Istibat)

DOA SEORANG IBU PADAH TIDAK MENDENGAR NASIHAT

Peristiwa berlaku di Kota Damsyik suatu ketika dahulu. Dihujung sebuah desa, tinggal satu keluarga. Si ibu bernama Dalilah sementara anak lelaki bernama Munir. Dalilah telah kehilangan suami kala Munir berusia dua tahun. Sejak itulah dia mendidik anak tunggalnya itu sepenuh kasih sayang.

Sebagai seorang ibu yang bertanggungjawab, Munir dididik serta diasuh dengan ilmu keagamaan dari beberapa orang ulama. Sehingga ketika dewasa, Munir seorang anak yang soleh dan sangat bertakwa kepada Allah S.W.T.

Setelah menyempurnakan empat rukun Islam sepenuh jiwa dan raga, Munir ingin menyempurnakan pula rukun Islam yang terakhir di Mekah. Hasrat yang bergejolak itu disuarakan kepada ibunya pada suatu hari. "Ya ummi! Saya ingin ke Mekah untuk menunaikan fardhu haji di sana!" ujar Munir sebaik bersalaman dengan ibunya.

"Saya memohon keizinan ummi untuk ke Mekah!" ujar Munir lagi. Sungguh-sungguh mengharapakan persetujuan ibunya. "Tidaklah mengambil masa yang panjang untuk sampai ke sana? tanya Dalilah setelah sejenak mendiamkan diri.

"Saya tahu ummi! Memang mengambil masa yang terlalu lama untuk tiba di Mekah. Jauhnya dari Damsyik ke sana beribu batu dan terpaksa menempuh pelbagai pancaroba. Saya sedar itu semua, ummi!" jawab Munir dengan tegas dan waras.

"Tidaklah di tengah perjalanan nanti banyak bahaya yang menunggu?" tanya Dalilah lagi. "Sudah saya katakan, ummi! Saya sanggup menempuh apa saja halangan asal niat suci saya ini terlaksana!" balas Munir.

"Ummi amat bimbang, Munir!" Dalilah bersuara dengan wajah yang redup, sarat keimbangan. "Berserah saja kepada Allah s.w.t. untuk menjaga keselamatan saya. Ummi tak perlu bimbangkan apa-apa!" ujar Munir dalam usaha memujuk ibunya.

"Tidaklah engkau tahu keimbangan yang amat dalam hati seorang ibu bila anak kesayangannya di dalam bahaya begitu?" tanya Dalilah lagi. Munir terdiam. Dia merasakan ibunya seolah-olah telah cuba menghalang niat sucinya ke Mekah. "Kenapa engkau diam?" tanya Dalilah lagi.

"Kerana ummi telah menghalang hasrat saya!" jawab Munir. "Ummi tidak menghalang tetapi batalkan dulu pemergian itu!" minta Dalilah dengan lembut. "Habis bila saya boleh pergi ke Mekah untuk menunaikan fardhu haji? tanya Munir.

"Bila perjalanan engkau diakhiri selamat!" jawab Dalilah. "Ah ummi memang sengaja menghalang sebuah cita-cita murni saya. Demi Allah saya tidak mahu mendengar nasihat ummi. Saya akan pergi juga ke Tanah Suci itu!" Munir mulai bertegas dengan niatnya yang satu itu.

Keesokan hari, selepas menunaikan solat subuh dan sewaktu ibunya sibuk didapur untuk menyediakan makanan, Munir meninggalkan rumah tanpa sebarang pesanan kepada ibunya.

Sewaktu menatang makanan tersebut kepada anaknya, Dalilah terkejut besar kerana Munir sudah

tiada. Tahulah dia bahawa Munir telah berangkat ke Mekah secara diam. Dia kaku di depan pintu sambil menitiskan airmata kepiluan.

Sehari suntuk Dalilah tidak berselera menjamah apa-apa makanan. Fikirannya runsing, gelisah, risau, marah, sedih, pilu dan pelbagai lagi perasaan bercampur-baur. Dalam perasaan yang begitulah dia menadah tangan ke hadirat Allah s.w.t sambil memohon doa.

"Ya Allah Ya Tuhanku! Engkau Yang Maha Melihat. Betapa anak kesayanganku sanggup menitiskan airmataku, membiarkan hatiku resah dan gelisah, hidup diganggu oleh pelbagai perasaan. Sesungguhnya, dia adalah seorang anak yang tidak mendengar kata, anak yang telah berdosa kepadaku ya Allah. Demi KebesaranMu tidak adakah balasan untuk anak seperti itu? Sebaik selesai berdoa begitu, Dalilah menangis sepuas hati.

Munir tiba di sebuah desa dikala hari hampir senja dan terpaksa berhenti untuk berehat dan tidur di sebuah masjid di hujung desa tersebut. Di masjid itu, Munir bersembahyang maghrib dan isya'. Selepas isya', dia terus berzikir dan bertahmid di tepi mimbar dengan penuh khusyuk dan tawaduk.

Sementara itu, satu kejadian telah berlaku pada malam tersebut. Rumah seorang saudagar kaya telah dimasuki pencuri. Beberapa karung berisi emas dan permata telah berjaya dicuri dari rumah saudagar kaya tersebut. Sewaktu melarikan diri, dia telah dilihat oleh beberapa orang lelaki yang berkebetulan lalu dipinggir rumah saudagar kaya tersebut lalu mereka terus mengejar Ammar. Oleh kerana malam terlalu gelap. Ammar berjaya melarikan dirinya dan menghilang di dalam kegelapan.

Lelaki yang mengejar Ammar tadi tidak berputus asa. Mereka mengajak beberapa orang desa yang lain untuk membantu mencari Ammar disekitar pelusuk. "Aku yakin, pencuri ini mesti bersembunyi di suatu tempat yang terlindung dari pandangan mata kita!" ujar salah seorang dari mereka sewaktu tiba di perkarangan masjid.

"Mungkin juga!" balas seorang yang lain. "Mungkin juga di tempat yang tidak dijangka oleh kita!" Sudahlah kamu semua mencari disekitar masjid?" "Maksud kamu, di dalam masjid?" "Ya!". "Kalau begitu, marilah kita mencarinya di dalam masjid pula!"

Usul itu dipersetujui sebulat suara lalu mereka terus masuk ke dalam masjid. Sebaik tiba di muka pintu masjid, ternampaklah oleh mereka akan Munir di tepi mimbar. Mereka menyangkan itulah si pencuri yang berpura-pura beribadat untuk mengelabukan mata mereka. Mereka segera meluru dan mengepung Munir. Tanpa usul periksa, Munir ditarik rakus lalu dihela ke halaman masjid.

"Kenapa saya diperlakukan begini?" tanya Munir kehairanan. "Kerana kamu telah mencuri di rumah saudagar kaya!" ujar salah seorang dari mereka dengan wajah yang marah.

"Tidak!" bantah Munir. "Saya bukan seorang pencuri tetapi seorang pengembara. Saya dalam perjalanan ke Tanah Suci Mekah Al-Mukarramah." "Tak usah berbohong dengan kami!" balas mereka lalu Munir

dipukul beramai-ramai.

Akibat pukulan tersebut, tangan dan kaki Munir telah patah. Mukanya bengkok dengan bibirnya berlumuran darah. Beberapa batang giginya turut patah. Matanya menjadi lebam. Seluruh tubuh Munir juga bengkok di sana sini.

Ketua Desa yang tiba sejurus kemudian mengerahkan Munir diikat pada sebatang pokok kurma dan disitu dia dirotan pula dengan tuduhan berpura-pura beribadat didalam masjid selepas mencuri. Semalaman Munir dibiarkan di pokok tersebut.

Keesokan hari, Penguasa Besar Al-Mukmin diberitahu tentang kejadian ini. Sewaktu beliau tiba, orang ramai sudah berpusu-pusu untuk menyaksikan hukuman yang bakal dijalankan. Ini menyebabkan suasana menjadi riuh-rendah. Sebaik tiba dihadapan Munir, dia terkejut besar kerana dia amat mengenali pemuda tersebut yang sangat alim dan warak.

"Wahai Munir! Kenapa sampai begini jadinya?" tanya Penguasa Besar Al-Mukmin ingin tahu. "Memang dia bijak berpura-pura. Selepas mencuri, berzikir didalam masjid untuk mengelabukan mata orang ramai. Orang begini patut dijatuhkan hukuman yang berat!" ujar orang ramai. "Saya tidak bertanya kepada kamu semua tetapi bertanya kepada dia. Biarlah dia yang menjawab segala soalan saya!" ujar Penguasa Al-Mukmin. "Kenapa kamu menjadi begini?" tanya Penguasa Al-Mukmin lagi. Wajah Munir direnung lembut.

"Demi Allah ya Al-Mukmin yang adil! Sesungguhnya saya dalam perjalanan ke Tanah Suci! Saya tidak berbohong. Di masjid ini saya berhenti berehat sambil beribadat sebelum esok memulakan perjalanan semula!" ujar Munir terus terang dengan suara yang amat perlahan dan lirih.

"Jadi kamu bukanlah pencuri yang sebenar?" tanya Penguasa Al-Mukmin lagi. "Ya Al-Mukmin! Sama sekali saya tidak menyangka bahawa saya akan dituduh begini!" balas Munir.

"Tentu ada sesuatu yang telah kamu lakukan sehingga terjadi musibah ini!" ujar Al-Mukmin bersahaja. "Benar Al-Mukmin! Sesungguhnya saya ditimpa musibah ini kerana ingkar nasihat ibu saya!" ujar Munir sambil teresak-esak. "Jadi kamu telah berdosa kepada ibu kamu?"

"Ya, sebab itulah Allah turunkan musibah ini dan Demi Allah, saya redha dengan peristiwa ini kerana inilah balasan yang setimpal kepada seorang anak seperti saya!" ujar Munir.

Mendengarkan cerita itu, orang ramai diam dan terkelu. Masing-masing kesal kerana bertindak melulu tanpa usul periksa. Mereka telah menghukum orang yang tidak bersalah.

Penguasa Besar Al-Mukmin segera mengarahkan beberapa orang penduduk desa mengusung Munir pulang ke rumahnya. Sebaik tiba di hadapan Dalilah, si ibu itu amat terperanjat melihat keadaan diri Munir.

"Maafkan ummi juga wahai anakku! Ummi juga bersalah kerana berdoa yang tidak baik untuk kamu" balas Dalilah dengan airmata yang terus mencucur deras.

Soal Jawab Agama

S: Apakah pandangan Islam terhadap mereka yang tidak mempelajari Al-Quran atau tidak mengetahuinya walaupun satu ayat?

J: Perbuatan dan sikap seperti itu amatlah dikesali yang tidak sepatutnya berlaku dikalangan umat Islam kerana ia jelas menunjukkan betapa jahilnya tentang Islam dan memandang ringan segala pengajarannya, sedangkan ia sendiri sebagai penganut Islam. Menurut pandangan Islam, amatlah hina dan rendah pekerti mereka yang tidak boleh membaca Al-Quran atau tidak menghafazkannya walau beberapa ayat. Maka orang seperti ini adalah dianggap sebagai rumah buruk atau rumah kosong. Ini amatlah tepat sekali sebagai mana sabda Rasulullah S.A.W.:

إِنَّ الْبَيْتَ لَيْسَ فِي جَوْفِهِ شَيْءٌ مِّنَ الْقُرْآنِ كَأَنَّهُ بُرْجٌ خَرِبَ.
(رواه الترمذي)

Maksudnya:

"Sesungguhnya orang yang tidak terdapat langsung Al-Quran didalam rongganya (hatinya) adalah seperti rumah yang roboh (buruk)".

S: Bagaimana pula dengan kenduri-kendara yang diadakan selepas pengebumian jenazah iaitu tiga malam berturut-turut atau hari ketujuh atau hari keempat puluh, keseratus dan seterusnya?

J: Ini juga merupakan amalan yang biasa (sudah beradat) di kalangan setengah-setengah orang kita, tetapi tidak pernah dibuat oleh Rasulullah S.A.W. dan para sahabat. Walaubagaimanapun bagi waris-warisi mati yang berkemampuan dengan tidak melibatkan harta pusaka atau harta anak-anak yatim maka bolehlah ia mengadakan jamuan atau kenduri atau bersedekah untuk si mati pada bila-bila masa tanpa menetapkan kepada hari-hari ketujuh, keempat puluh dan sebagainya.

S: Ada sesetengah golongan

mengatakan sewaktu usia muda tak payah bertaubat lagi bahkan apabila sampai tua nanti barulah kita bertaubat. Apakah pandangan Islam mengenai perkara ini?

J: Pendapat ini ternyata tidak berasas sama sekali bahkan salah menurut pandangan Islam, kerana bolehkah kita pastikan bahawa kita akan mati setelah menjangkau usia tua, sedangkan mati tidak mengira tua atau muda. Ini sudah jelas dan menjadi kenyataan yang boleh disaksikan saban hari. Sebenarnya menurut Islam, setiap orang yang melakukan kesalahan tanpa mengira tua ataupun muda maka wajib hukumnya ia bertaubat. Bahkan orang-orang muda yang bertaubat dari kesalahan adalah lebih baik daripada taubat orang tua. Ini telah dijelaskan oleh baginda Rasulullah S.A.W. dalam sebuah hadisnya yang berbunyi:

مِمَّنْ شَيْءٌ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الثَّابِتِ الثَّابِتِ.

Maksudnya:

"Tidak ada sesuatu yang lebih dikasihi kepada Allah S.W.T. daripada taubat orang-orang muda".

S: Adakah orang-orang yang beragama Islam semuanya akan masuk syurga di akhirat nanti? Bagaimanakah dengan orang yang derhaka?

J: Pada dasarnya umat Islam akan masuk ke dalam syurga yang disediakan oleh Allah S.W.T. diakhirat nanti. Ini dapat difahamkan dari beberapa keterangan, antara lain Nabi bersabda yang bermaksud "Barangsiapa yang mengucap لا اله الا الله (tiada tuhan melainkan Allah) nescaya masuk ia akan syurga". Ertinya, orang yang mempunyai kepercayaan dan aqidah yang bersih tanpa mencampuri dengan sebarang bentuk khurafat dan syirik kepada Allah amatlah besar

harapannya untuk masuk ke dalam syurga. Manakala bagi mereka yang melakukan kejahatan terhadap Allah tetapi tidak sempat bertaubat, maka kemungkinan akan dikenakan balasan (neraka) lebih dahulu berdasarkan kepada sebanyak mana kejahatan yang dilakukannya di dunia ini.

S: Apakah yang dimaksudkan dengan ajaran-ajaran sesat?

J: Maksud ajaran sesat ialah sesuatu ajaran atau amalan yang dibawa oleh seseorang yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan itu adalah ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya adalah bertentangan dan berlawanan dengan aqidah dan syariah Islam. Ajaran sesat itu amat dibimbangi kerana ia boleh membawa kepada peyelewengan aqidah atau membawa seseorang itu terpesong dari ajaran yang sebenar seperti ajaran tidak perlu melakukan amal ibadah, tetapi cukup dengan niat semata-mata atau fahaman boleh bersara dari beribadat kepada Allah setelah seseorang itu sudah sampai ke tahap yakin atau ibadat haji boleh dikerjakan dimana-mana tanpa bersusah payah pergi ke Mekah atau mengerjakan solat hanya tiga waktu sahaja dan lain-lain lagi.

S: Kita seringkali mendengar kata-kata tasbih kaffarah. Bolehkah diterangkan apakah tasbih kaffarah itu?

J: Maksud tasbih kaffarah ialah bacaan tasbih atau doa ketika meninggalkan sesuatu majlis itu semoga sebarang kesalahan atau kesilapan yang kita lakukan itu dihapuskan. Hal ini dijelaskan oleh baginda dalam sebuah hadisnya yang berbunyi:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ لَا يَقُومُ مِنْ مَجْلِسٍ إِلَّا قَالَ: (سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبِّيَ وَبِحَمْدِكَ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَشْهَدُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ). وَقَالَ: لَا يَقُولُهُنَّ أَحَدٌ مِنْ حَيْثُ يَقُومُ مِنْ مَجْلِسِهِ إِلَّا غُفِرَ لَهُ مَا كَانَ مِنْهُ فِي ذَلِكَ الْمَجْلِسِ. رواه الحاكم عن السيدة عائشة

Maksudnya:

"Rasulullah S.A.W. tidak bangun meninggalkan sesuatu majlis melainkan baginda membaca (tasbih yang bererti); "Maha Suci Engkau ya Allah Tuhanku! Dengan memuji Engkau, tidak ada Tuhan melainkan Engkau dan aku memohon keampunan Engkau dan aku bertaubat kepada Engkau". Sabda baginda: "Tidak membaca akan dia oleh seseorang sekiranya bangun ia dari tempat duduknya, melainkan diampunkan baginya kesalahan-kesalahan yang berlaku daripadanya dalam majlis itu".

S: Apakah pandangan Islam mengenai orang yang tidak mahu mendengar khutbah atau berbual-bual atau sebagainya sewaktu khatib sedang membaca khutbah?

J: Sebagaimana kita sedia maklum bacaan dua khutbah adalah perkara wajib. Ia merupakan salah satu daripada syarat sah solat Jumaat. Manakala para jemaah juga diwajibkan mendengarnya, samada faham atau tidak, samada sedap atau tidak dan samada semangat atau tidak, tak timbul. Yang sebenarnya menjadi persoalannya ialah wajib mendengarnya.

Kalau orang itu sengaja tidak mahu mendengar khutbah atau berbual-bual ataupun menyuruh orang lain diam dari bercakap dan sebagainya, adalah merupakan suatu perbuatan yang amat dilarang lagi sia-sia Jumaatnya. Dalam hal ini sudah jelas sekali sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W.:

إِذَا قُلْتُ لِصَاحِبِكَ أَنْصِتْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ فَقَدْ لَغَوْتَ.

Maksudnya:

"Apabila kamu berkata terhadap taulanmu diam (jangan bercakap) pada hari Jumaat sedangkan imam membaca khutbah maka sesungguhnya sia-sialah kamu".

Selain dari itu perlu difahami bahawa kita diperintah ke masjid pada hari Jumaat bukan semata-mata untuk solat Jumaat tetapi juga untuk mendengar khutbah yang mengandungi pelbagai pengajaran dan nasihat-nasihat yang berguna demi kebaikan kita bersama.

S: Apakah sedekah hanya berbentuk harta benda dan wang ringgit semata-mata?

J: Tidak! Sebenarnya ruang dan skop sedekah amatlah luas merangkumi samada yang berbentuk material ataupun moral, buah fikiran ataupun ilmu pengetahuan melalui lidah pertuturan dan sebagainya. Hal ini dapat difahami dari sabda Rasulullah S.A.W.:

كُلُّ شَيْءٍ مِنْ الشَّيْءِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ، كُلُّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيهِ الشَّمْسُ تَغْدِلُ بَيْنَ اثْنَيْنِ صَدَقَةٌ، وَبَيْنَ رَجُلَيْنِ فِي دَابَّتِهِ فَتَعْمَلُهُ عَلَيْهِمَا أَوْ تَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَنَافِعَ صَدَقَةٌ، وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ، وَبِكُلِّ حُضُورٍ تَحْشِيهَا إِلَى الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ، وَبِكُلِّ الْأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ.

Maksudnya:

"Setiap anggota manusia itu ada sedekahnya. Pada setiap hari yang terbit padanya matahari engkau lakukan keadilan di antara dua orang adalah merupakan sedekah. Engkau menolong seorang lelaki yang hendak menunggang kenderaan dengan mengangkat barangnya ke atas kenderaannya adalah sedekah. Percakapan yang baik adalah sedekah. Setiap langkah yang engkau berjalan menuju ke tempat solat adalah sedekah. Engkau membuang perkara-perkara yang merbahaya dari jalanraya adalah juga merupakan sedekah".

Dalam hadis-hadis lain banyak baginda Rasulullah S.A.W. menerangkan tentang pelbagai rupa bentuk sedekah termasuklah membaca Al-Quran, berzikir, bertasbih dan sebagainya.

S: Bolehkah kita memberi salam kepada orang-orang kafir dan bagaimana pula sekiranya kita diberi salam oleh mereka?

J: Berhubung dengan memberi salam kepada orang-orang bukan Islam menurut kebanyakan para ulama adalah tidak harus memberi salam terhadap mereka. Ini adalah berdasarkan kepada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dengan sabdanya:

لَا تَبْدَأُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى بِالسَّلَامِ.

Maksudnya:

"Janganlah kamu memulakan orang-orang Yahudi dan Kristian dengan memberi salam".

Sebaliknya jika mereka memberi salam kepada kita maka tidaklah menjadi kesalahan bagi kita menjawabnya, tetapi jika didapati salamnya itu tidak nyata atau mengelirukan maka cukuplah dengan jawapan "wa'alaikum" sahaja.

والله أعلم

Kata-Kata Hikmah

"Kebahagiaan itu ibarat sebatang pohon yang rendah, tempat tumbuhnya ialah jiwa dan perasaan kemanusiaan, ketaqwaan kepada Allah adalah merupakan air, udara dan cahaya yang membantu pertumbuhannya."
(Yusuf Al-Qardawi)

"Berbahagialah orang yang dapat menjadi tuan untuk dirinya dan menjadi nakhoda untuk bahtera hidupnya".
(Cendiakawan)

PENENTUAN ARAH QIBLAT

Oleh: Ustaz Rizal Bin Ramli

Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Bahagian Falak Syarie)

1. PENDAHULUAN.

Menurut syarak menghadap ke arah qiblat diertikan tubuh badan seseorang menghadap ke arah kaabah yang terletak di Makkatul Mukarramah.


Menghadap ke arah Qiblat merupakan syarat sah bagi umat Islam yang menunaikan solat lima waktu sehari semalam dan solat-solat sunat yang lain.

2. Kaedah Penentuan Arah Kiblat

2.1 Kaedah tradisional antaranya ialah:

2.1.1 Matahari istiwa atas kaabah.

Kejadian matahari istiwa (rembang) di atas kaabah berlaku dua kali setahun. Fenomena ini berlaku pada **28 Mei** kira-kira jam **5.16 petang** dan pada **16 Julai** kira-kira **5.28 petang** (mengikut waktu piawai Malaysia). Ketika matahari istiwa di atas kaabah, bayang objek tegak di seluruh dunia akan membetuli arah kiblat. Lihat rajah 1.



Rajah 1: Kedudukan matahari di atas kaabah yang menyebabkan bayang-bayang tegak di seluruh dunia membetuli arah Qiblat.


2.1.2 Kaedah Buruj Bintang

Buruj bintang ialah satu kumpulan bintang yang berada di suatu kawasan langit yang hampir sama dan kelihatan berdekatan antara satu sama lain. Menurut Internasional Astronomical Union (IAU), langit

dibahagikan kepada lapan puluh lapan (88) kawasan buruj bintang. Bintang-bintang yang berada di suatu kawasan yang sama adalah dalam satu buruj. Pemerhati purba telah menetapkan sesuatu buruj bintang mengikut bentuk yang mudah mereka kenal pasti seperti bentuk-bentuk haiwan, geometri dan seumpamanya. Dengan mengetahui bentuk buruj-buruj bintang tertentu, arah utara dan arah Qiblat dari sesuatu tempat boleh ditentukan.

BURUJ ORION

Buruj ini terdapat tiga bintang berderet iaitu Mintaka, al Nilam dan al-Nitak. Arah Qiblat boleh diketahui dengan menganjurkan arah bintang tiga berderet tersebut ke arah barat. Buruj Orion akan berada di langit Malaysia ketika waktu subuh pada Julai dan kemudian akan kelihatan tinggi dilangit waktu tengah malam pada bulan Disember. Pada bulan Mac Buruj Orion akan berada ditengah-tengah langit pada waktu maghrib. Lihat rajah 2.




Rajah 2: Bentuk Buruj Orion dan penentuan arah Qiblat.

2.2- Kaedah Moden antaranya ialah:

2.2.1-Hitungan / Pengiraan Arah Qiblat

a. Hitungan adalah berdasarkan kepada konsep arah di sepanjang bulatan gedang bumi (Great Circle).

b. Melibatkan mode-model matematik sfera yang menggunakan koordinat geografi tempatan dan koordinat geografi rujukan (Kaabah). Ini ditunjukkan seperti di dalam rajah 3.



Rajah 3: Penentuan Arah Qiblat dengan kaedah segitiga sfera.

Petunjuk:

- i- θ_t = Latitud tempatan
- ii- λ_t = Longitud tempatan
- iii- θ_m = Latitud Kaabah
- iv- λ_m = Longitud kaabah

Formula pengiraan untuk mendapatkan arah Qiblat bagi sesuatu tempat adalah menggunakan formula seperti berikut:

$$\tan \theta_m \cos \theta_t - \sin \theta_t \cos(\lambda_t - \lambda_m)$$

Contoh pengiraan arah Qiblat bagi Bandar Shah Alam, Selangor:

"Usahlah bimbang jika diri anda tidak dihargai, akan tetapi anda perlu bimbang jika diri anda tidak berharga lagi"
(Hukamak)

Contoh pengiraan arah Qiblat bagi **Bandar Shah Alam, Selangor**:

Stesen	Shah Alam	Kaabah
Latitud ϕ	$\phi_t = 3^\circ 05' 00'' \text{ U}$	$\phi_m = 21^\circ 25' 15.6'' \text{ U}$
Longitud λ	$\lambda_t = 101^\circ 35' 00'' \text{ T}$	$\lambda_m = 39^\circ 49' 29.1'' \text{ T}$

$$\tan \alpha = \frac{\sin (\lambda_t - \lambda_m)}{\tan \phi_m \cos \phi_t - \sin \phi_t \cos (\lambda_t - \lambda_m)}$$

(i) Tukarkan nilai koordinat kepada darjah.

Shah Alam	ϕ_t	$= 3^\circ 05'$	$\longrightarrow$	3.08333°
	λ_t	$= 101^\circ 35'$	$\longrightarrow$	101.58333
Kaabah	ϕ_m	$= 21^\circ 25' 15.6''$	$\longrightarrow$	21.421°
	λ_m	$= 39^\circ 49' 29.1''$	$\longrightarrow$	39.82475°

(ii) Kira nisbah nilai dalam rumus:

$\sin (\lambda_t - \lambda_m)$	$= 61.75858$	$\longrightarrow$	0.88096
$\tan \phi_m$	$= 21.421$	$\longrightarrow$	0.39231
$\cos \phi_t$	$= 3.08333$	$\longrightarrow$	0.99855
$\sin \phi_t$	$= 3.08333$	$\longrightarrow$	0.05378
$\cos (\lambda_t - \lambda_m)$	$= 61.75858$	$\longrightarrow$	0.47318

(iii) Kira mengikut rumus:

$$\tan \alpha = \frac{0.88096}{(0.39231 \times 0.99855) - (0.05378 \times 0.47318)}$$

$$\tan \alpha = \frac{0.88096}{0.39174 - 0.02544}$$

$$\frac{0.88096}{0.3663}$$

$$\tan \alpha = 2.40502$$

$$\alpha = 67.42263447 \longrightarrow \text{Tukarkan kepada darjah}$$

$$\alpha = 67^\circ 25' 21.48''$$

$$\begin{aligned} \text{Arah Qiblat Bandar Shah Alam} &= 360^\circ - \alpha \\ &= 360^\circ - 67^\circ 25' 21.48'' \\ &= 292^\circ 34' 38.5'' \end{aligned}$$

Sumber rujukan:-

- (i) Kaedah Panduan Falak Syarie (2001) Unit Falak Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- (ii) Modul Kursus Falak, Unit Falak KUSZA.

Kisah & Teladan

Kelolaan: Abdul Latip b. Ibrahim

Pembantu Hal Ehwal Islam (Bahagian Falak Syarie)

KEJUJURAN SEORANG SAUDAGAR PERMATA

Pada suatu hari, seorang saudagar perhiasan di zaman Tabiin bernama Yunus bin Ubaid, menyuruh saudaranya menjaga kedainya kerana ia akan keluar solat. Ketika itu datanglah seorang badwi yang hendak membeli perhiasan di kedai itu. Maka terjadilah jual beli di antara badwi itu dan penjaga kedai yang diamanahkan tuannya tadi.

Satu barang perhiasan permata yang hendak dibeli harganya empat ratus dirham. Saudara kepada Yunus menunjukkan suatu barang yang sebetulnya harga dua ratus dirham. Barang tersebut dibeli oleh badwi tadi tanpa diminta mengurangkan harganya tadi. Ditengah jalan, dia terserempak dengan Yunus bin Ubaid. Yunus bin Ubaid lalu bertanya kepada si badwi yang membawa barang perhiasan yang dibeli dari kedainya tadi. Sememangnya dia mengenali barang tersebut adalah dari kedainya. Saudagar Yunus bertanya kepada badwi itu, "Berapakah harga barang ini kamu beli?" Badwi itu menjawab, "Empat ratus dirham".

"Tetapi harga sebenarnya cuma dua ratus dirham sahaja. Mari ke kedai saya supaya saya dapat kembalikan wang selebihnya kepada saudara". Kata saudagar Yunus lagi. "Biarlah, ia tidak perlu. Aku telah merasa senang dan beruntung dengan harga yang empat ratus dirham itu, sebab di kampungku harga barang ini paling murah lima ratus dirham".

Tetapi saudagar Yunus itu tidak mahu melepaskan badwi itu pergi. Didesaknya juga agar badwi tersebut balik ke kedainya dan bila dikembalikan wang baki

kepada badwi itu. Setelah badwi itu beredar, berkatalah saudagar Yunus kepada saudaranya, "Apakah kamu tidak merasa malu dan takut kepada Allah atas perbuatanmu menjual barang tadi dengan dua kali ganda?" Marah saudagar Yunus lagi.

"Tetapi dia sendiri yang mahu membelinya dengan harga empat ratus dirham". Saudaranya cuba mempertahankan bahawa dia dipihak yang benar. Kata saudagar Yunus lagi, "Ya, tetapi di atas belakang kita terpikul satu amanah untuk memperlakukan saudara kita seperti memperlakukan terhadap diri kita sendiri".

Jika kisah ini dapat dijadikan tauladan bagi peniaga-peniaga

kita yang beriman, amatlah tepat. Kerana menunjukkan peribadi seorang peniaga yang jujur dan amanah di jalan mencari rezeki yang halal. Jika semuanya berjalan dengan aman dan tenteram kerana tidak ada penipuan dalam perniagaan.

Dalam hal ini Rasulullah S.A.W. bersabda,

"Sesungguhnya Allah itu penetap harga, yang menahan, yang melepas dan memberi rezeki dan sesungguhnya aku harap bertemu Allah di dalam keadaan tidak seorang pun dari kamu menuntut aku lantaran menzalimi di jiwa atau diharga". (Diriwayat lima imam kecuali imam Nasa'i)

ASUHAN ROHANI

سبدا رسول الله ﷺ

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ، وَلَا إِلَى
أَحْسَابِكُمْ، وَلَا إِلَى أَمْوَالِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ
إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

رواه الطبراني

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah tidak memandang kepada paras rupa seseorang kamu, keturunan kamu dan harta benda kamu, tetapi Allah memandang kepada hati dan amalan kamu".

(Riwayat Al-Tabrani)


AHLI JAWATANKUASA FALAK SYARIE NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

- | | |
|---|--|
| 1. Sahibus Samahah Dato' Hj. Mohd Tamyas
Bin Abd. Wahid,
Dato' Seri Utama DiRaja Mufti Negeri Selangor. | 5. YBhg. Tuan Hj. Idris Bin Ramli
Pegawai Agama Islam
Daerah Kuala Langat. |
| 2. Sahibus Sa'adah Dato' Haji Mansor Bin Ramli,
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor. | 6. YBhg. Tuan Hj Jaafar Bin Ismail
Pegawai Agama Islam Daerah Kuala Selangor |
| 3. Yang Arif Tuan Hj Ishak Bin Yaakob
Hakim Mahkamah Tinggi | 7. YBhg. Ustaz Ahmad Safuan Bin Nayan,
Pembantu Hal Ehwal Islam, Bahagian Dakwah
Jabatan Agama Islam Selangor |
| 4. YBhg. Tuan Haji Che Abdullah Bin Md Rejab,
Pengarah Jabatan Ukur Dan
Pemetaan Selangor. | 8. YBhg. Hj. Zainal Abidin Bin Hj Kusmin
Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Falak Syarie
Jabatan Mufti Selangor. |

SENARAI AHLI JAWATANKUASA MENCERAP ANAK BULAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

Bukit Melawati	Pulau Angsa	Bukit Jugra
1) Sahibus Samahah Dato' Hj. Mohd. Tamyas Bin Abd. Wahid, Dato' Seri Utama DiRaja Mufti Negeri Selangor,	1) Sahibus Samahah Tuan Haji Abd Majid Bin Omar Timbalan Mufti Negeri Selangor.	1) YBhg Tuan Hj. Idris Bin Ramli Pegawai Agama Islam, Daerah Kuala Langat
2) Yang Amat Arif Tuan Haji Mohd Johdi Bin Haji Toha, Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor.	2) YBhg Ustaz Abdul Halim Hafiz Bin Salihin Pegawai Agama Islam Daerah Klang	2) Yang Arif Tuan Haji Mahyuddin Bin Ibrahim, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Klang/Kuala Langat.
3) Sahibus Saadah Dato' Haji Mansor Bin Ramli, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor.	3) YBhg Encik Zainal Abidin Bin Musa, Jurukur Daerah Selangor Timur,	3) YBhg. Encik Mohd Khir Bin Tompong Juruukur Daerah Selangor Barat Pejabat Juruukur Daerah Selangor Barat.
4) YBhg. Tuan Haji Che Abdullah Bin Md Rejab, Pengarah Jabatan Ukur Dan Pemetaan, Selangor.	4) YBhg Ustaz Ahmad Safuan Bin Nayan, Pembantu Hal Ehwal Islam Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor.	4) YBhg. Ustaz Abdul Karim Bin Jemaron, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Selangor.
5) YBhg. Tuan Haji Zainal Abidin Bin Hj Kusmin, Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Falak Syarie.	5) YBhg. Ustaz Rizal Bin Ramli, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Falak Syarie Jabatan Mufti Selangor	5) YBhg. Ustaz Md. Razali Bin Hassanusi Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Istibat Jabatan Mufti Selangor

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ



Maksudnya:

"Daripada Saidina Ali R.A. berkata ia, sabda Rasulullah S.A.W., barangsiapa yang ada mempunyai bekalan dan kenderaan yang boleh menyampaikannya ke Baitullah, tetapi ia tidak menunaikan haji (hingga ia mati dengan tidak ada keuzuran baginya) maka tidak ada halangan baginya mati sebagai Yahudi atau Nasrani, (dari segi siksanya) kerana Allah S.W.T. telah berfirman dalam kitabnya yang bermaksud dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji. (dengan) mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya".

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ،
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
"مَنْ مَلَكَ زَادًا وَرَاحِلَةً تُبَلِّغُهُ إِلَى بَيْتِ اللَّهِ وَلَمْ يَحُجَّ فَلَا
عَلَيْهِ أَنْ يَمُوتَ يَهُودِيًّا أَوْ نَصْرَانِيًّا، وَذَلِكَ أَنْ اللَّهَ يَقُولُ
فِي كِتَابِهِ "وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ
سَبِيلًا".

رواه الترمذي والبيهقي.